

# Polis rakam percakapan Tun M

**Kuala Lumpur:** Polis Diraja Malaysia (PDRM) merakamkan percakapan Tun Dr Mahathir Mohamed, berhubung kenyataannya mengenai Proklamasi Orang Melayu di sini, semalam.

Setiausaha Polis Malaysia, Datuk Noorsiah Mohd Saaduddin, berkata sepasukan pegawai penyiasat Unit Siasatan Jenayah Terkelas (USJT) D5 Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, merakam percakapan Dr Mahathir pada jam. 10.30 pagi.

“Rakaman percakapan ke atas bekas Perdana Menteri itu dilakukan di Yayasan Albukhary di sini mengikut Seksyen 112, Kanun Tatacara Jenayah.

“Siasatan dijalankan mengenai kenyataan Tun Mahathir yang berunsur penghinaan terhadap Institusi Diraja dan Proklamasi Orang Melayu,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata kes berkenaan pada masa ini masih berada di peringkat siasatan.

Terdahulu peguam, Rafique Rashid, memaklumkan beliau menemani bekas Ahli Parlimen Langkawi itu sepanjang proses rakaman percakapan dibuat.

“Dr Mahathir menyatakan beliau sedia dituduh di mahkamah dan akan menjawab soalan-soalan di mahkamah,” katanya.